

UPSI/PEND/BG1/597(10/11)

01 NOVEMBER 2011

05 ZULHIJAH 1432H

SPP UPSI BIL. 10 TAHUN 2011

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'/Prof./Tuan/Puan,

PINDAAN PELAKSANAAN KEMUDAHAN KAD NAMA (BUSINESS CARD)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan SPP UPSI Bil. 9 2011 adalah berkaitan.

2. Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 9 Tahun 2011 bertarikh 21 September 2011 telah menetapkan jumlah percetakan kad nama seperti yang dinyatakan di perenggan 4 adalah tidak melebihi 30 keping pada kadar maksimum RM1.00 sekeping.

3. Pihak Universiti telah bersetuju bahawa jumlah percetakan kad nama yang dinyatakan di perenggan tersebut ditambah daripada tidak melebihi 30 keping kepada 300 keping dengan kadar maksimum RM1.00 sekeping.

4. Walau bagaimanapun, lain-lain peraturan mengenai pelaksanaan kemudahan kad nama seperti mana yang dinyatakan dalam surat pentadbiran tersebut masih dikekalkan dan tidak berubah.

5. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Pentadbiran ini, jumlah percetakan kad nama di perenggan 4 dalam Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 9 Tahun 2011 bertarikh 21 September 2011 adalah dipinda.

Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN GEMILANG MENUJU WAWASAN”

Yang benar,

(DATO' RUSLEY BIN TAIB)
Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)